

Jangan gopoh mahu jadi tuan sendiri

SHAH ALAM 3 Sept — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan para peserta bumiputera yang mengikuti kursus perusahaan logam supaya "jangan terlalu gopoh gapah hendak menjadi tuan sendiri."

Perdana Menteri berkata, ini adalah kerana pengetahuan yang mereka perolehi mengenai penggunaan dan cara-cara membentuk logam belum cukup untuk membolehkan mereka membuka perusahaan sendiri.

Berucap semasa merasmikan Pusat Teknologi Perindustrian Logam (MITEC) di kawasan perusahaan di sini, beliau mengesyorkan supaya mereka yang

telah lulus kursus MITEC bekerja dalam perusahaan orang lain dahulu.

Katanya, dengan pengetahuan itu mereka cuma layak bekerja dalam perusahaan orang lain sehingga pengalaman tentang selok-belok perusahaan logam itu sudah mencukupi dan membolehkan mereka menubuhkan perusahaan sendiri.

"Sebenarnya, tidak hina bagi seseorang itu bekerja bagi orang lain, walau dari apa bangsa sekalipun. Kerja memberi pengalaman dan pengalaman adalah satu punca pengetahuan yang tidak ada tolok bandingnya," tambahnya.

Pusat Teknologi Perindustrian Logam (MITEC) yang dirasmi-

kan hari ini ditubuhkan oleh Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dengan tujuan untuk memberikan bantuan teknikal kepada perindustrian logam.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, kajian-kajian mengenai perusahaan logam di negara ini menunjukkan bahawa taraf teknologi sektor ini adalah rendah dan kemampuan pengeluarannya terhad.

Peluang

"Kebanyakan firma bumiputera yang wujud hanya menumpukan kepada kerja-kerja kim-palan untuk mengeluarkan barang-barang seperti pintu besi dan tangki air, tanpa menyertai bidang-bidang

yang lebih sofistikated seperti lapangan membuat acuan dan kerjatekan," jelasnya.

Oleh itu, katanya, kerajaan berharap bahan-bahan mentah tempatan dalam perindustrian dapat ditingkatkan lagi dan peluang-peluang pekerjaan diperluaskan melalui MITEC.

Beliau juga berkata kerajaan berharap pusat itu dapat menumpukan usaha-usahanya mempergiatkan lagi pemindahan teknologi dalam perlogaman kepada pengusaha-pengusaha bumiputera terutamanya pengusaha kecil yang mengeluarkan barang-barang tradisional.

Perdana Menteri seterusnya menekankan

tentang perlunya penyer-taan dan kemajuan pengusaha bumiputera digalakkan supaya perseimbangan dicapai selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Menyentuh tentang perusahaan pembuatan pula, beliau berkata, sektor ini merupakan salah satu sektor ekonomi negara yang mempunyai kadar perkembangan tahunan yang paling tinggi.

Oleh itu, tambahnya, adalah penting mengadakan dan meningkatkan lagi perkhidmatan teknikal dan kemudahan-kemudahan lain bagi menjamin pembangunan pesat sektor ini.

Katanya, penubuhan MITEC dapat membantu melengkapkan lagi infrastruktur teknik bagi keperluan pembangunan perindustrian.

Beliau berkata, MITEC juga boleh mengukuhkan industri asas tempatan supaya dapat menghasilkan barangan bermutu dengan harga yang setanding bagi membantu penubuhan industri besar dan berat.